

02/12/1997

Amerika sedia atasi isu rakam rompak

Hardi Effendi Yaacob

KERAJAAN Amerika Syarikat menyatakan kesediaan menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak, bertujuan menyelesaikan masalah rakam rompak harta benda intelek yang hampir berpuluh tahun membelenggu karyawan negara ini.

Bagi tujuan itu, kedutaan Amerika Syarikat di Jalan Tun Razak, akan menganjurkan sesi pertemuan dan perbincangan tertutup bersama jawatankuasa Badan Banteras Cetak Rompak (BBCR), 9 Disember ini selepas diarahkan berbuat demikian oleh pihak atasan mereka di Washington DC.

"Jawatankuasa BBCR menerima surat jemputan khas yang ditandatangani sendiri oleh Duta Amerika Syarikat ke negara ini, John R Malott, awal minggu lalu berhubung perkara itu."

"Malah, beliau sendiri akan mempengerusikan sesi itu nanti. Di samping itu, Jenice Flake yang bertindak sebagai Kaunselor Ekonomi Kedutaan Amerika Syarikat akan turut menghadirinya."

"Bagaimanapun, saya difahamkan sesi pertemuan itu nanti bukan saja memfokuskan terhadap masalah rakam rompak harta benda intelek dalam industri hiburan semata-mata tetapi juga dalam bidang teknologi maklumat," kata Pengerusi BBCR, Abdul Aziz Sheikh Fadzir, kelmarin.

Menurutnya, sesi pertemuan itu nanti turut dijadikan medan untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara kerajaan Malaysia dan Amerika.

Katanya lagi, diharapkan pertemuan itu mampu melahirkan satu resolusi ke arah memulihkan imej negara di peringkat antarabangsa yang sebelum ini dikenali sebagai 'pusat' rakam rompak paling aktif rantau Asia Tenggara selepas Thailand dan Indonesia.

"Di samping itu, kami juga mahu memastikan negara benar-benar bersih daripada gejala ini dan bersedia menempuh alaf baru mahupun multimedia sebagaimana saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi kempen Koridor Raya Multimedia (MSC)."

"Bukan itu saja, malah langkah itu juga bertujuan meyakinkan pelabur asing terutamanya yang terbabit secara langsung dengan MSC bahawa mereka 'selamat' di sini," katanya lagi.

Sebelum ini, Ketua Pemuda Pergerakan Pemuda Umno dan Penaung BBCR, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, menerima penghargaan kerajaan Amerika Syarikat berhubung kepekaan dan keberkesanannya menangani masalah yang menyebabkan negara kerugian berjuta ringgit itu.

(END)